



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

4 September 2020

1. Dua miliki karkas didenda RM5, 000
2. Antibiotik buat ayam, ikan ‘gemuk’

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYS**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 4 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	18	
Perkara	Penguatkuasaan	

Dua miliki karkas didenda RM5,000

SHAH ALAM – Dua individu termasuk seorang wanita mualaf didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan memiliki daging kerbau dan lembu yang tidak disembelih pada Januari dan Februari lalu.

Majistret Hanie Dzatul Akhmar Zulkefli turut memerintahkan Nur Sakinah Abdullah, 54 dan C. Mogan Raj, 33, sebagai Orang Kena Saman (OKS) dipenjara dua bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut. OKS membayar denda tersebut.

Selain itu, kesemua 34 barang kes yang disita diserahkan kepada Jabatan Veterinar untuk pelupusan.

Terdahulu, kedua-dua ter tuduh mengaku bersalah se-

lepas pertuduhan dibacakan secara berasingan oleh juru baha-hasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua mereka didakwa memiliki karkas kerbau dan lembu yang tidak disembelih di rumah penyembelihan yang diluluskan atau dilesenkan.

Nur Sakinah didakwa melakukan kesalahan itu di hadapan sebuah kedai kawasan industri di Kampung Baru Sungai Buloh, Sungai Buloh pukul 8.20 pagi pada 26 Januari lalu.

Mogan pula melakukan kesalahan itu di sebuah tapak pasar malam di Shah Alam pukul 3 petang, 19 Februari lalu.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar, Mohammad Firdaus Mat Ludin.



MOGAN



NUR SAKINAH

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 4 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	7	
Perkara	Bahan Kimia	

Nitrofurantoin ada dalam bahan mentah **Antibiotik buat ayam, ikan 'gemuk'**

PUTRAJAYA – Kandungan nitrofurantoin yang boleh menjadikan ikan dan ayam kelihatan ‘gemuk’ dan segar antara bahan kimia antibiotik yang didapati dalam 853 sampel bahan mentah dan makanan di pasaran tempatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, jumlah itu meliputi empat peratus daripada 20,492 sampel bahan mentah termasuk daging, ikan, sayuran serta buah-buahan hasil pemantauan pihak kementerian dari 2018 hingga Jun lalu.

“Hasil analisis di makmal kementerian mendapati terdapat sejumlah 853 sampel makanan dan bahan mentah tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

“Kita dapat sampel makanan itu ada bahan kimia seperti nitrofurantoin yang boleh mengejutkan kandungan dalam bahan mentah seperti ikan dan membuktikannya ia jadi besar dan kelihatan segar selain bahan formalin untuk memelihara kesegarannya,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sambutan Hari Keselamatan Makanan



ANALISIS makmal Kementerian Kesihatan mendapati 853 sampel ayam dan ikan mengandungi bahan kimia antibiotik, nitrofurantoin.

Sedunia 2020 bertemakan Keselamatan Makanan di Pasar di Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Sementara itu, Adham berkata, sebanyak 516 kes keracunan makanan dilaporkan di negara ini pada tahun lalu dengan 150 daripadanya dilaporkan di sekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan.

Beliau berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan sebanyak 3.2 peratus daripada 500 kes bagi tempoh sama pada tahun sebelumnya.



Kandungan
antibiotik
jadikan
ikan, ayam
kelihatan
lebih
gemuk dan
segar.”

ADHAM BABA